




KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.wilayah.gov.my



UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PEMBINAAN PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM HALAL DI SELAYANG BERMULA JANUARI 2019

PUTRAJAYA, 12 Disember 2018 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) hari ini menyaksikan Sesi Menandatangani Perjanjian *Right To Occupy* (RTO) Di Atas Tanah No. H.S(D) 120504 Pt 27088 Mukim Batu di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Sahih Group Sdn. Bhd.

Sahih Group Sdn. Bhd. akan memulakan kerja-kerja awalan di tapak pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu di Selayang bermula pada Januari 2019. Tempoh pelaksanaan projek ini memakan masa selama 18 bulan dan dijangka akan siap pada bulan September 2020. Kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM16 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh Sahih Group Sdn. Bhd. melalui inisiatif penswastan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu ini akan dibuat serentak dengan dua buah projek lagi di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu Pembinaan Semula Pasar Harian Selayang serta projek Penyuraian Trafik dan Penyambungan Jalan Selayang Baru ke Pasar Harian Selayang. Sistem penyuraian trafik di kawasan tersebut akan ditambah baik dengan pelebaran jalan bagi memudahkan pergerakan kenderaan berat keluar masuk, urusan pemantauan dan penguatkuasaan serta kawalan keselamatan. Kelulusan Perintah Pembangunan projek-projek ini telah mengambil kira kajian *Traffic Impact Assesment* (TIA).

Dengan adanya Pusat Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu ini kelak, kapasiti pengeluaran ayam yang disembelih adalah di antara 80 ribu hingga 120 ribu ekor sehari. Hasil penyembelihan ayam halal ini akan dibekalkan ke pasar-pasar harian sekitar Kuala Lumpur. Kementerian terus komited dalam membina Pusat

Penyembelihan Ayam Halal Bersepadu bagi menampung permintaan yang tinggi daripada rakyat untuk mendapatkan bekalan ayam daging yang halal, bersih, selamat dan segar.

Dengan fasiliti moden dilengkapi sistem berteknologi tinggi, Pusat Penyembelihan Ayam Halal ini dapat mengawal masalah pencemaran bau di kawasan tersebut kerana ia dibina secara tertutup dengan pendingin hawa, kawalan makhluk perosak (*pest control*), loji rawatan air kumbahan dan sistem peparitan yang sistematik. Oleh itu, dengan memusatkan fasiliti penyembelihan ayam halal supaya ayam-ayam yang dibekalkan dan diproses dari tempat ini diyakini bersih dan halal – *toyyiban*, projek ini sememangnya memberikan impak yang positif bukan sahaja kepada penduduk di sekitar Selayang malah untuk keseluruhan warga Lembah Klang.

Disediakan oleh :
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
12 Disember 2018